



## **PURATA TARIF ELEKTRIK ASAS TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB) KEKAL BAGI TAHUN 2021 DENGAN REBAT ELEKTRIK 2 SEN SETIAP KILOWATT JAM KEPADA SEMUA PENGGUNA BAGI TEMPOH 1 JANUARI HINGGA 30 JUN 2021**

**PUTRAJAYA, 24 DISEMBER 2020** – Kerajaan pada 18 Disember 2020 telah membuat keputusan dan bersetuju dengan pelanjutan tempoh Regulatori Kedua (RP2) pada tahun 2021 bagi pelaksanaan *Incentive Based Regulation* (IBR) dan pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) di Semenanjung bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2021.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah bersetuju untuk mengekalkan purata tarif asas Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam tempoh lanjutan RP2 pada kadar 39.45 sen/kWj bagi tahun 2021 dan memberikan rebat ICPT sebanyak 2 sen/kWj kepada semua pengguna elektrik TNB bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2021.

Mekanisme ICPT merupakan sebahagian daripada kerangka kerja IBR bagi menetapkan dan melaraskan tarif elektrik di Semenanjung Malaysia bagi tempoh RP2 (tahun 2018 hingga 2021). Di bawah mekanisme ini, kadar tarif elektrik asas bagi tahun 2018 hingga 2021 ditentukan dengan

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

menetapkan harga penanda aras bahan api arang batu dan gas dalam tempoh tersebut. Sebarang perbezaan kos sebenar dengan harga penanda aras bahan api dalam penetapan tarif asas akan diselaraskan setiap enam bulan di bawah mekanisme *Imbalance Cost Pass Through* (ICPT), sama ada dalam bentuk surcaj atau rebat, bergantung kepada kos bahan api dan kos penjanaan lain dalam tempoh tersebut.

Antara faktor utama penjimatan *imbalance cost* (rebat ICPT) di Semenanjung bagi tempoh Julai hingga Disember 2020 adalah disebabkan oleh penurunan kos penjanaan elektrik, iaitu purata harga bahan api arang batu sebenar untuk tempoh tersebut telah menurun kepada USD58.07/metrik tan, berbanding harga arang batu asas yang ditetapkan dalam tarif asas bagi tempoh regulatori kedua (RP2) iaitu sebanyak USD75/metrik tan. Di samping itu, penurunan harga bahan api gas juga merupakan salah satu faktor pengurangan bayaran untuk kos penjanaan, di mana purata harga sebenar bahan api gas merekodkan penurunan kepada RM21.01/MMBtu, berbanding harga gas asas yang ditetapkan dalam tempoh RP2 pada RM27.20/MMbtu

Dengan pemberian rebat sebanyak 2 sen/kWj ini, seramai 7.5 juta pengguna domestik akan mengalami penurunan bil elektrik di antara 3.6% hingga 9.2%. Pengguna komersial pula akan mengalami penurunan bil elektrik di antara 4.0% hingga 5.2% manakala bil elektrik bagi pengguna industri pula akan menurun di antara 4.6% hingga 6.1%.

---

#### MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Sebagai langkah untuk meminimumkan kesan kenaikan kos penjanaan elektrik, para pengguna digalakkan untuk melaksanakan langkah-langkah menggunakan elektrik dengan cekap. Tips bagi menggunakan elektrik dengan cekap boleh didapati di laman sesawang Suruhanjaya Tenaga dan Tenaga Nasional Berhad serta aplikasi telefon bimbit myTNB.

Pada masa yang sama, pengguna kini boleh menganggarkan kesan ICPT pada masa akan datang dengan menggunakan Kalkulator tarif elektrik yang dapat dicapai melalui portal [www.myelectricitybill.my](http://www.myelectricitybill.my). Kalkulator tersebut akan membantu pengguna menganggarkan bil elektrik bulanan mereka bagi tempoh mekanisme ICPT akan datang dan membantu para pengguna elektrik khususnya pengguna komersial dan industri untuk membuat perancangan kewangan dengan lebih berkesan. Kerajaan berharap agar pemberian rebat ini dapat membantu meringankan kos sara hidup rakyat serta menurunkan kos menjalankan perniagaan yang terkesan berikutan penularan pandemik COVID-19.

**- TAMAT -**

Dikeluarkan Oleh:  
Suruhanjaya Tenaga  
24 Disember 2020

---

**MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.